



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	5/7/2019	MUKA SURAT	: 40
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Perhilitan rampas anak babi hutan

JOHOR BAHRU - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor merampas seekor anak babi hutan yang dipelihara seorang penduduk di Taman Nusantara, Gelang Patah di sini semalam.

Pengarahnya, Salman Saaban berkata, pihaknya menerima aduan orang ramai berhubung seorang lelaki memelihara seekor anak babi hutan di kawasan kediamannya.

"Siasatan mendapati anak babi itu dipelihara sejak lapan bulan lalu sebagai haiwan kesayangan," katanya semalam.

Salman berkata, siasatan akan dijalankan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) kerana kesalahan menyimpan spesies hidupan liar tanpa lesen yang sah daripada Jabatan Perhilitan.

Katanya, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

"Perhilitan Johor menasihatkan orang ramai yang ingin bela hidupan liar agar mohon lesen dan menyimpan spesies sesuai," katanya.